

12 AUG 2002

Chua-Haemodialisis/I

SEMUA HOSPITAL K'JAAN TUBUH PUSAT HAEMODIALISIS DALAM MASA LIMA TAHUN

TELUK INTAN, 12 Ogos (Bernama) -- Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng hari ini berkata kerajaan merancang menubuhkan pusat-pusat haemodialisis di semula 121 hospital kerajaan menjelang 2007.

Chua berkata pada masa ini, 50 daripada hospital kerajaan di seluruh negara sudah dilengkapi kemudahan itu dan 12 lagi akan mewujudkan pusat tersebut menjelang akhir tahun ini.

"Walaupun rancangan itu agak besar, kementerian akan menyegerakannya untuk manfaat pesakit terutama yang miskin dan mereka yang tinggal di luar bandar yang tidak mampu mendapatkan perkhidmatan di hospital swasta," katanya kepada pemberita selepas melawat Hospital Teluk Intan di sini hari ini.

Chua berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perhatin terhadap masalah yang dihadapi pesakit buah pinggang dan telah meminta kementerian memastikan mereka mendapat rawatan sesuai pada kos yang minimum.

"Kami pasti Perbendaharaan akan menyediakan peruntukan perlu bagi membolehkan kami mengembangkan kemudahan itu. Namun, ia bukan setakat wang dan perkakasan memadamkan kementerian juga perlu melatih kakitangan seperti doktor, jururawat dan kakitangan teknikal," katanya.

Terdapat kira-kira 10,000 orang menderita penyakit buah pinggang di negara ini dengan kira-kira 2,300 kes baru dikesan setiap tahun.

Chua berkata bagi setiap rawatan, pesakit dikenakan bayaran RM200 dan mereka perlu membelanjakan sekurang-kurangnya RM2,400 sebulan dan menambah bahawa pesakit hanya membayar RM15 setiap kali mendapat rawatan di hospital kerajaan manakala mereka yang miskin tidak dikenakan bayaran.

Menurutnya terdapat 50 pusat yang diusahakan oleh pertubuhan bukan kerajaan di seluruh negara tetapi bilangan itu tidak mencukupi.

Lebih-lebih lagi kata Chua, rawatan alternatif seperti Dialisis Abdomen "Peritoneal" Berterusan (CAPD) tidak diberikan kepada semua pesakit kerana kosnya tinggi.

Di Perak, Chua berkata unit-unit haemodialisis disediakan di Hospital Ipoh, Slim River, Taiping dan Teluk Intan manakala pusat haemodialisis di Seri Manjong dan Gerik akan beroperasi menjelang akhir tahun ini.

"Ipoh akan mendapat satu unit tambahan manakala lapan hospital lain di Perak, saya sudah meminta Pengarah Kesihatan Negeri mengemukakan senarai keutamaan... semoga kita dapat wujudkan pusat seperti itu di hospital terbabit dalam tempoh tiga atau empat tahun," katanya.

Chua juga berkata kementerian telah menawarkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menggunakan hospital Teluk Intan dan hospital Slim River yang baru dibuka sebagai hospital satelit.

Menurutnya jika Fakulti Perubatan UKM bersetuju dengan cadangan itu, mereka boleh menghantar pelajar untuk menjalani latihan klinikal di kedua-dua hospital berkenaan dan kementerian akan menambah kemudahan sedia ada untuk menampung mereka.

"Ini akan memberi manfaat kepada pelajar dan pesakit memadamkan pakar-pakar Fakulti Perubatan UKM akan melawat hospital-hospital itu yang pada masa ini kekurangan pakar," katanya.

Chua juga berkata kementerian itu memperuntukkan RM10 juta untuk membina Klinik Kesihatan yang akan dilengkapi pusat pesakit luar, farmasi, makmal dan kemudahan x-ray, bersebelahan hospital Teluk Intan.

Selain itu, beberapa kemudahan sedia ada di hospital itu akan

ditingkatkan termasuk wad bersalin dan bilik pembedahan, katanya.

-- BERNAMA

AR LAT